

24/02/2003

Hafiz kembalikan nostalgia legenda All England

Raja Ahmad Zainuddin

SAYA bersyukur kerana selamat pulang ke tanah air bersama jemaah lain setelah bersama kira-kira dua juta umat Islam seluruh dunia mengerjakan ibadat haji di tanah suci Makkah.

Saya menyertai rombongan Raja Muda Perak, Raja Datuk Seri Dr Nazrin Shah Ibnu Sultan Azlan Shah yang juga presiden Persatuan Bola Sepak Perak yang turut disertai Menteri Besar Datuk Seri Diraja Mohd Tajol Rosli Tan Sri Ghazali. Seorang lagi tokoh sukan yang turut mengerjakan haji ialah presiden Persatuan Ekuestrian Malaysia Datuk Dr Jamaluddin Jarjis yang juga menteri kewangan kedua.

Alhamdulillah, sesibuk mana sekalipun, tanggungjawab kita selaku umat Islam terhadap Allah SWT tetap tidak kita abaikan. Dalam penerbangan balik, saya berasa bertuah juga kerana bersama rombongan Sultan Terengganu yang juga Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Baginda adalah peminat nombor satu bola sepak Terengganu.

Terlangsung bercakap mengerjakan haji ini, saya cukup kagum mengetahui betapa rakyat Malaysia yang beragama Islam kini sebilangan besarnya cukup mampu untuk berbuat demikian. Ini berdasarkan wang simpanan yang dikeluarkan oleh jemaah haji yang dianggarkan berpuluh-puluh juta ringgit ketika berada di tanah suci. Bahkan menurut maklumat Tabung Haji, pengeluaran wang tunai itu tidak termasuk yang dibawa sendiri oleh mereka.

Begitupun, sepulangnya saya ke tanah air, tidak ada berita yang mengejutkan selain kemenangan bersejarah Muhamad Hafiz Hashim di kejohanan All England dan sekali gus menjadi anak Melayu pertama muncul juara perseorangan selepas beregu adik beradik Razif dan Jalani Sidek.

Setelah menunggu 37 tahun selepas kejayaan Tan Aik Huang pada 1966, kemenangan Hafiz bukan saja membuka mata badminton dunia, tetapi juga petanda awal kebangkitan kita di arena sukan antarabangsa musim 2003 ini, insya-Allah.

Pun begitu, satu lagi sejarah yang kita catatkan ekoran kemenangan Hafiz itu ialah kejayaan luar biasa rakyat Malaysia dalam melahirkan pemain badminton bertaraf dunia dari keluarga yang sama.

Selain Hafiz, keluarga Hashim yang lain yang turut berjaya menempah nama ialah Roslin dan Muhammad.

Sebelum ini, keluarga Datuk Sidek Kamar menggegar badminton dunia melalui anak-anak mereka iaitu Misbun, Razif, Jailani, Rashid, Abdul Rahman dan anak perempuan, Zamaliah.

Anehnya, kedua-dua keluarga itu berasal dari kawasan pedalaman seperti Ustaz Hashim yang berasal dari Kampung Sireh, Kota Bharu, Kelantan manakala keluarga Datuk Sidek pula dari Banting, Selangor. Cuma yang membezakan dua keluarga ini ialah kejayaan Hafiz menjuarai perseorangan All England sementara Razif dan Jalani memenangi acara beregu pada 1982.

Kita juga tidak lupa sebuah lagi keluarga yang juga menempah nama dalam badminton antarabangsa iaitu pemain adik beradik Tan Aik Huang dan Tan Aik Mong.

Kejayaan Hafiz ini juga setidak-tidaknya mengembalikan semula nostalgia juara All England dari Malaysia seperti Wong Peng Soon (1950, 1951, 1952 dan 1955), Eddy Choong (1953, 1954, 1956 dan 1957) dan Tan Aik Huang 1966.

Kejayaan hafiz ini juga bolehlah disifatkan sebagai penamat badi pemain Malaysia sebelum ini yang hanya sekadar menjadi naib juara seperti Punch Gunalan (1974), Misbun Sidek (1986), Foo Kok Keong (1991), Rashid Sidek (1996) dan Ong Ewe Hock (1998).

Tidak setakat itu, kejayaan Hafiz menjadi lipatan sejarah kerana menjadi juara termuda selepas Rudy Hartono dan sekali gus menamatkan label pemain Malaysia kononnya hanya jaguh kampung. Manalah tahu kita telah dianugerahkan permata baru untuk meneruskan laungan "Malaysia Boleh" seperti disaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Walaupun, kemenangan Hafiz dilihat sebagai langkah awal mengembalikan semula martabat badminton negara, tetapi kejayaan anak muda ini setidaknya-tidaknya akan menjadi penjana semangat dan rangsangan setelah kita memberanikan diri menonjolkan jurulatih tempatan untuk mengalas tanggungjawab lebih besar.

Tahniah kepada Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang tidak mengetepikan kebolehan anak tempatan seperti Misbun Sidek untuk melatih pemain negara sekalipun dalam keadaan tertekan.

Soal ganjaran seperti yang disarankan Perdana Menteri agar tidak merosakkan masa depan Hafiz dan atlit lain seperti yang diulas oleh Menteri Belia Dan Sukan mestilah dilihat dari sudut positif.

Kita seharusnya merasa bangga kerana sebagai seorang pemimpin negara Dr Mahathir bukan saja mempunyai tanggungjawab yang lebih besar terhadap hal-ehwal keselamatan dan ekonomi negara, tetapi juga prihatin terhadap prestasi sukan tanah air.

Umpamanya, sambil memberikan tumpuan kepada persidangan NAM, beliau sempat mengulas kejayaan Hafiz dan memberi nasihat agar ganjaran atau imbuhan yang diberikan jangan sampai merosakkan tumpuan ahli sukan.

Mungkin kerajaan mempunyai rancangan tersendiri membantu atlit yang berjaya selepas mereka bersara kelak kerana di peringkat inilah mereka lebih memerlukan bantuan dan perhatian, terutama ahli sukan profesional.

Saranan Perdana Menteri disambut Hafiz dengan semangat tinggi seperti katanya bukan habuan yang menjadi pertaruhan ketika di gelanggang sebaliknya "Keraname Malaysia".

Moga-moga semangat ini jugalah yang akan menjadi tangkal bagi Hafiz atau mana-mana atlit kebangsaan untuk melakukan sejarah di Sukan Olimpik akan datang untuk membawa pulang pingat emas pertama.

Tahniah sekali lagi Hafiz. Kami rakyat Malaysia sentiasa bersamamu untuk mencapai kejayaan. Begitu juga kepimpinan Nusa Mahsuri. Mudah-mudahan segala kebaikan yang dilakukan akan menjadi pembuka mata kepada mereka yang mungkin memandang sepi ke atas badan berstatus kelab.

Syabas juga kepada Misbun dan keluarga Sidek walaupun Jalani, Razif dan Rashid tidak lagi berada di gelanggang, setidaknya-tidaknya mereka terus memberi sokongan dan galakan kepada kejayaan Hafiz, Roslin dan Muhammad.